



ANALISIS BIBLIOMETRIK TERHADAP KAJIAN BERHUBUNG RANCANGAN TELEVISYEN BERKONSEP KEAGAMAAN DI MALAYSIA

BIBLIOMETRIC ANALYSIS ON STUDIES RELATED TO RELIGIOUS TELEVISION PROGRAM IN MALAYSIA

Nur Afifi bin Alit¹, Shumsudin Yabi², Mohd Yusuf bin Ismail³

¹Phd Student of Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

²Senior lecturer of Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

³Lecturer of Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Media penyiaran televisyen memainkan peranan signifikan dalam menyuburkan pendekatan dakwah Islamiah di Malaysia. Perkembangan positif ini telah menyaksikan kerancangan penyiaran rancangan berkonsepkan keagamaan seiring dengan peningkatan minat penonton terhadapnya, dan kemudahan tenaga kerja yang membantu pihak berkepentingan dalam merealisasikan usaha murni ini. Hal ini telah menarik minat para pengkaji untuk menjalankan penyelidikan berhubung lapangan ini bagi penyediaan input dan data berautoriti kepada pihak yang berkepentingan. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan mengklasifikasi literatur berkaitan rancangan keagamaan televisyen di Malaysia. Metodologi digunakan adalah berpandukan analisis bibliometrik terhadap kajian dalam pelbagai bentuk seperti tesis, disertasi, latihan ilmiah, artikel jurnal, kertas prosiding, bab dalam buku dan buku. Data-data ini diperoleh menerusi carian kata kunci seperti rancangan keagamaan, drama dan filem, media penyiaran, yang dilakukan menerusi pangkalan data artikel ilmiah, perpustakaan, dan laman sesawang berhubung topik kajian. Hasil kajian menemui sejumlah 124 literatur berhubung topik kajian, melibatkan pelbagai jenis dan tema perbincangan, yang dihasilkan samada yang berbahasa melayu atau berbahasa inggeris. Dapatan kajian memberikan gambaran keperluan menjalankan penyelidikan lanjut melibatkan kajian analisis terhadap tahap autentik kandungan rancangan keagamaan, dan kajian lapangan terhadap keperluan dan kecenderungan penonton. Kajian juga dapat memberi implikasi positif kepada pihak berkepentingan dalam lapangan penyiaran keagamaan di Malaysia untuk menghasilkan rancangan keagamaan yang berdaya saing

Perkembangan Artikel

Diterima: 14 Ogos 2022

Disemak: 30 Oktober 2022

Diterbit: 31 Januari 2023

* Corresponding Author:

Nur Afifi bin Alit

Faculty of Quranic and Sunnah
Studies,

Universiti Sains Islam Malaysia

Email: tolibhadith90@gmail.com

dengan konsep yang lebih menarik dan mudah difahami kandungannya.

Kata kunci: *Analisis bibliometrik, rancangan keagamaan, televisyen*

Abstract

Television broadcast media has played a significant role in cultivating Dakwah Islamiah in Malaysia. This positive progress leads to the elevation of religious broadcasting programs, in line with the increase of viewer interest towards these types of programs, and the manpower required to aid the interested parties is easily accessible nowadays. This scenario has intrigued researchers to carry out studies regarding this topic to provide authorized data and input to the benefit of the concerned parties. Thus, the objective of this study is to identify and classify literatures and studies related to Islamic television programs. The methodology used is bibliometric analysis towards the literatures gathered from various sources such as thesis, dissertations, articles, proceeding papers, chapters in books, and books. The process of collecting data is produced through searching in article databases, libraries, and websites related to the topic. The result shows that 124 literatures had been found from different type of studies, and themes discussed, which are written in Malay and English languages. This finding indicates that further studies need to be carried out with regards to analysis study on the originality of the content used in the programs, and field study on the need and tendency of the viewers. Furthermore, this study gives a positive implication for the interested parties to produce a competitive religious television program by using attractive and comprehensible contents.

Keywords: *Bibliometric analysis, religion programs, television*

PENGENALAN

Media penyiaran televisyen memainkan peranan signifikan dan medium berkesan dalam menyuburkan pendekatan dakwah Islamiah di Malaysia, melalui pembentukan akhlak dan pemikiran masyarakat ke arah kebaikan (Wawarah Saipudin, 2017). Perkembangan positif ini telah menyaksikan kerancangan penyiaran rancangan berkonsepkan keagamaan seiring dengan peningkatan minat penonton terhadapnya, antaranya melalui usaha TV Al Hijrah yang merupakan saluran penyiaran pertama kerajaan yang berkonsepkan keagamaan sepenuhnya. Pembaharuan yang dilakukan dalam media penyiaran ini dapat mengangkat imej positif Islam ke peringkat yang lebih tinggi, dan menyuburkan falsafah Islam terhadap media dan komunikasi, selepas didominasi dengan identiti dan falsafah barat sejak sekian lama (Zulkipli Abd Ghani et. al., 2012).

Selain itu, usaha stesen TV dalam menyahut tanggungjawab dakwah dengan menyiarkan rancangan berkonsepkan keagamaan kepada umat Islam di Malaysia dapat menjadi alternatif penting kepada masyarakat yang hidup pada zaman *millennium* ini untuk memperoleh ilmu agama

mereka, selain medium tradisional seperti kuliah di masjid dan tempat pengajian. Ini melihat kepada kemampuan medium kontemporari ini untuk menyediakan platform menarik yang disampaikan melalui kaedah yang santai namun bermanfaat, selain menjimatkan masa mereka (Md Rozalfari & Megat Al-Imran, 2014). Tambahan pula, televisyen telah menjadi medium penyiaran yang paling diminati berbanding medium penyiaran yang lain, berikutan ia dianggap sistem komunikasi yang paling berkesan kerana menggabungkan dua deria penting manusia iaitu pendengaran dan penglihatan (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2011).

Hal ini telah menarik minat para pengkaji untuk menjalankan penyelidikan berhubung lapangan ini bagi penyediaan input dan data berautoriti yang bermanfaat kepada pihak berkepentingan. Penghasilan bahan penerbitan seperti ini beruapaya menjadi rujukan berautoriti kerana melalui proses penelitian dan ulasan oleh pakar dalam bidang tertentu bagi memastikan ia menepati ciri-ciri penerbitan bahan ilmiah, selain penggunaan metodologi yang teliti dan diiktiraf. Selain itu, penghasilan bahan ilmiah juga dapat menjadi penunjuk produktiviti, arah aliran, dan fokus perbincangan yang dititikberatkan dalam sesuatu penyelidikan. (Mohd Farhan Md Ariffin et. al., 2015).


Usaha ini diharap dapat membantu dalam mengangkat rancangan keagamaan di televisyen supaya kekal relevan dan berdaya saing dalam menjadi medium penyampaian maklumat kepada pengguna di Malaysia. Pendekatan analisis bibliometrik digunakan dalam mengenalpasti, membincangkan dan melakukan pengklasifikasian terhadap senarai kajian lepas yang dijalankan dalam lapangan ini, melihat kepada kepentingan kaedah ini yang dapat menganalisis secara jelas tren penerbitan dan penyelidikan susulan yang bersesuaian (Ball & Tunger, 2006).

SKOP DAN METODOLOGI

Objektif artikel ini adalah untuk mengenalpasti dan mengklasifikasi kajian dan literatur berkaitan rancangan penyiaran di televisyen yang berkonsepkan keagamaan. Namun demikian, kajian ini tidak memuatkan perbincangan berkenaan kandungan rancangan penyiaran yang tidak berkonsepkan keagamaan dan dakwah, walaupun ia turut mempunyai nilai-nilai murni seperti pendidikan dan sosio budaya. Selain itu, kajian ini tidak melibatkan literatur berkenaan bahan penyiaran berbentuk iklan, berita dan dokumentari, tetapi berfokus kepada rancangan interaktif, drama dan filem. Tambahan pula, bahan media yang dibincangkan dalam kajian ini adalah berbentuk media penyiaran yang terhad kepada penyiaran televisyen sahaja, melihat kepada pengaruhnya yang lebih meluas kepada penonton dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat mutakhir ini.

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah secara kualitatif, menerusi kaedah kajian kepustakaan. Dalam proses mengumpul senarai kajian lepas, pengkaji menggunakan kata kunci (*keyword*) carian merangkumi pelbagai bentuk kajian, berdasarkan istilah-istilah yang mempunyai perkaitan dengan topik kajian antaranya; rancangan televisyen keagamaan, drama dan filem, dan media penyiaran. Kaedah pencarian data dilakukan dengan menggunakan pangkalan data dalam talian (*online*) yang menghimpunkan artikel dan makalah ilmiah seperti *google scholar*, *researchgate* dan lain-lain.

Setelah semua data dikumpulkan, kaedah imbasan secara manual dan penjadualan menggunakan perisian *Microsoft Office Excel* dilakukan, seterusnya dianalisis melalui kaedah deskriptif statistik. Kaedah ini berfungsi untuk menggambarkan ciri-ciri, kuantiti dan tren penulisan secara teratur. Selain tu, pengkelasan senarai literatur juga dilakukan mengikut analisis bibliometrik, yang berfungsi sebagai suatu kaedah pengukuran maklumat dan bahan penerbitan yang sering digunakan dalam bidang sains perpustakaan, sains maklumat, dan analisis kandungan dan *citation*. (Mohd Farhan Md Ariffin, 2015). Penggunaan kaedah ini bagi menjelaskan jenis dan tahun penerbitan, tema dan bidang kajian, dan bahasa penulisan yang digunakan dalam kajian. Rumusan bagi metodologi kajian boleh dilihat dalam rajah berikut:



Rajah 1: Rumusan Metodologi Kajian


HASIL DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terhadap penyelidikan lepas berkaitan topik rancangan dakwah dalam media penyiaran televisyen, terdapat sejumlah 124 literatur yang terdiri daripada pelbagai jenis dan tema perbincangan. Senarai literatur boleh dibahagikan berdasarkan beberapa kategori iaitu:

1) Pembahagian literatur berdasarkan tema kajian

Menerusi pengkelasan kajian yang dibuat berdasarkan tema, penulis dapat mengenalpasti bentuk kekerapan sesuatu tema bagi dijadikan skop penulisan. Ini membolehkan kajian lanjutan yang lebih menyeluruh dan mencakupi tema-tema lain dapat dilakukan. Hasil kajian menemui sebanyak 6 jenis tema yang mempunyai hubungan dengan topik kajian yang dibincangkan, iaitu kajian berbentuk dakwah merupakan jumlah tertinggi sebanyak 31 (25%) literatur, diikuti kajian melibatkan kesan dan pengaruh iaitu sebanyak 18 (15%) literatur. Dapatan ini memberi gambaran bahawa tema dakwah menjadi prioriti kajian selaras dengan tujuan rancangan seperti ini disiarkan iaitu bagi meneroka ruang baharu dan memanfaatkan penggunaan teknologi terkini dalam menyebarkan agama Islam di Malaysia.

Tema seterusnya yang mempunyai jumlah tertinggi adalah melibatkan kajian sejarah media penyiaran berkonsepkan dakwah di Malaysia iaitu sebanyak 19 (15%), diikuti kajian berkenaan akidah dan pemikiran islam iaitu sebanyak 18 (15%) literatur. Seterusnya, kajian berkaitan pematuhan Syariah yang menghasilkan literatur berjumlah 17 (14%) karya, disusuli kajian yang menfokuskan kepada analisis rancangan keagamaan berjumlah 12 (10%) literatur. Manakala dua tema kajian yang mendapat jumlah yang paling sedikit adalah kajian berbentuk teknikal produksi iaitu sebanyak 5 (4.0%) literatur, diikuti kajian berkaitan garis panduan sebanyak 4 (3%) literatur. Dapatan ini menjelaskan keperluan kajian yang lebih berkaitan pembangunan garis panduan yang komprehensif dan mapan dalam memandu rancangan televisyen berkonsepkan keagamaan agar lebih berkualiti kandungannya dan bermanfaat perannya. Rumusan bagi perbincangan boleh dilihat dalam rajah di bawah:




Rajah 2: Peratusan Jumlah Literatur Berdasarkan Tema dan Bidang

2) Pembahagian literatur berdasarkan jenis kajian

Menerusi pengkelasan kajian yang dibuat berdasarkan jenis, penulis dapat menentukan bentuk kekerapan sesuatu jenis penulisan ilmiah yang telah dihasilkan. Ini menyaksikan kepelbagaian corak penyelidikan yang dilakukan dalam kalangan para penyelidik.


Hasil kajian menemui yang diperoleh menemukan sebanyak 6 jenis kajian merangkumi tesis kedoktoran, disertasi sarjana, latihan ilmiah sarjana muda, artikel ilmiah, kertas prosiding, bab dalam buku dan buku. Kajian berbentuk kertas prosiding telah menghasilkan jumlah literatur tertinggi iaitu sebanyak 29 (23%) kajian, manakala kajian bab dalam buku berada dalam kedudukan kedua dengan jumlah sebanyak 28 (23%) kajian. Manakala kajian berbentuk artikel jurnal telah mengumpulkan sebanyak 26 (21%) literatur, seterusnya kajian berbentuk latihan ilmiah bagi peringkat sarjana muda menghasilkan sejumlah 21 (17%) literatur. Adapun kajian berbentuk disertasi sarjana telah menemukan sebanyak 9 (7%) literatur, disusuli penghasilan buku berkenaan topik kajian dengan jumlah sebanyak 8 (6%), manakala kajian berbentuk tesis kedoktoran menghasilkan jumlah penyelidikan paling sedikit berkaitan topik kajian iaitu sebanyak 3 (2%) literatur. Ringkasan perbincangan di atas dijelaskan seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 3: Peratusan Jumlah Literatur Berdasarkan Jenis

3) Pembahagian literatur berdasarkan tahun penerbitan

Analisis juga dilihat menurut tahun penerbitan kajian yang dilakukan bagi mengenalpasti tren kajian yang dihasilkan berkaitan topik perbincangan. Selain itu, pengelasan berdasarkan tahun penerbitan dapat memperlihatkan corak kajian yang telah direntasi oleh para penyelidik, bagi menyahut kerancangan penyelidikan berhubung lapangan rancangan keagamaan dalam sesuatu tempoh masa. Hasilnya mendapati tahun 2010-2014 menghasilkan jumlah penerbitan terbanyak iaitu sebanyak 53 kajian, diikuti tahun 2015-2019, dengan jumlah kajian sebanyak 31 kajian. Sebaliknya, tahun penghasilan kajian yang paling sedikit adalah pada tahun 1994 ke bawah. Ini berikutan, penerokaan medium baharu bagi dakwah Islamiah melalui media penyiaran masih belum berkembang pesat di Malaysia, berbanding tahun 2000 dan ke atas, setelah insiatif yang diambil pihak stesen TV kerajaan dan swasta dalam memperbanyak rancangan berkonsepkan keagamaan, hasil peningkatan minat penonton terhadapnya. Oleh itu, dapat dilihat tren penghasilan kajian berkenaan konsep rancangan sedemikian semakin meningkat dari tahun ke tahun, dan merangkumi pelbagai topik kajian yang baru.



Rajah 4: Peratusan Jumlah Literatur Berdasarkan Tahun

Sementara itu, terdapat 17 (13.6%) literatur berkenaan topik kajian yang ditulis dalam bahasa inggeris, dan selebihnya ditulis dalam bahasa melayu iaitu sebanyak 108 (86.4%) literatur. Selain itu, daripada senarai kajian yang berbahasa inggeris tersebut, sebanyak 10 (58.9%) literatur diterbitkan dalam bentuk artikel jurnal, manakala 3 (17.6%) daripadanya adalah kertas prosiding dalam persidangan. Selain itu, terdapat 3 (17.6%) daripadanya merupakan kajian berbentuk bab dalam buku, dan hanya 1 (5.9%) kajian yang merupakan buku yang diterbitkan. Senarai kajian berbahasa inggeris tersebut boleh dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Senarai Literatur Berbahasa Inggeris

| No. | Tajuk kajian | Tahun | Jenis Kajian | Institusi /Penerbit | Tema |
|-----|---|-------|--------------|---|--------------|
| 1 | Zulkiple Abd Ghani “ <i>Islamic Broadcasting: A Search for Islamic Identity</i> ” | 2006 | Jurnal | <i>Hamdard Islamicus Journal</i> | Sejarah/umum |
| 2 | Rosmawati Mohamad Rasit, et. Al. “ <i>Film as a medium of communication for Da'wah: analysis of religious element in selected Malay films</i> ” | 2012 | Jurnal | Jurnal Islamiyyat | Dakwah |
| 3 | Rosmawati Mohamad Rasit “ <i>The position of religious malays films in Malaysia from the perspective of Islamic dakwah</i> ” | 2012 | Jurnal | Jurnal al-hikmah | Dakwah |
| 4 | Siti Rugayah Tibek et. Al. “ <i>The Islamic Value In Malaysian Television Drama On Channel 1</i> ” | 2012 | Jurnal | Advances in Natural and Appliend Sciences Journal | Dakwah |

| | | | | | |
|----|--|------|------------------|--|--------------------|
| 5 | Aini Maznina, A. M. et al. <i>“The acceptance of TV Islamic reality shows by the Malay”</i> | 2013 | Jurnal | ‘Ulum Islamiyyah Journal | Kesan |
| 6 | Zulkiple Abd. Ghani <i>“Fiqh Broadcasting: A comparative study of television program production in Malaysia and Iran”</i> | 2014 | Jurnal | Advances in Natural and Applied Sciences Journal | Syariah |
| 7 | Rosli M <i>“The impact of character branding through media: A case study of TV Al-Hijrah’s Ustaz celebrity programme”</i> | 2015 | Jurnal | Journal of Islamic Research | Kesan |
| 8 | Mohamad Muhidin & Zaharah Hussin <i>“Directed Content Analysis Of Akhlak In Islamic Reality Television Programme ‘Imam Muda’</i> | 2015 | Jurnal | Online Journal of Islamic Education | Analisis rancangan |
| 9 | Osama Kanaker & Zulkiple, Abd Ghani <i>“Islamic television programs: Content and format revisited”</i> | 2015 | Jurnal | ‘Ulum Islamiyyah Journal. | Analisis rancangan |
| 10 | Juliana Abdul Wahab & Zatil Hidayah Abdullah <i>“Islamic content on malaysian TV: a case study of TV Al hijrah”</i> | 2017 | Jurnal | Jurnal Mimbar | Sejarah/umum |
| 11 | Mazni Buyong & Rizalawati <i>“Islamic Programs In Malaysian Free To Air Television Channels”</i> | 2011 | Kertas prosiding | <i>International Conference on Islamic Civilization and Malay Identity</i> | Sejarah/umum |
| 12 | Noor Syuhadah S. & Musa A. <i>“Perception and audience exposure towards Islamic broadcasting in Astro Oasis, TV Al-Hijrah and TV9”</i> | 2014 | Kertas prosiding | <i>International Conference on Da'wah and Islamic Management</i> | Kesan |
| 13 | Osama Kanaker & Zulkiple Abd Ghani <i>“The broadcasting</i> | 2014 | Kertas prosiding | <i>International Conference</i> | Sejarah/Umum |

| | | | | | | |
|----|--|------|----------------|---|---|--|
| | <i>philosophy of Islamic television channels: a study of al-Resalah and al-Hijrah</i> | | | | <i>on Da'wah and Islamic Management</i> | |
| 14 | Che Mahzan Ahmad "Broadcasting Islam On Malaysia Televisions, dalam Communication In Muslim Nation" | 2009 | Bab dalam buku | Selangor: IIUM Press | Sejarah/Umum | |
| 15 | Suria Hani A. Rahman et. al. "Religious theme in film, dalam Portrayal of Islam in the Media" | 2010 | Bab dalam buku | Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia | Analisis rancangan | |
| 16 | Siti Aidah & Ishak Suliaman "Fabricated hadith in Malaysia's television programmes: A study in establishing a broadcasting guideline and code of ethics related to sunnah nabawi" | 2015 | Bab dalam buku | Kuala Lumpur: Universiti Malaya. | Garis panduan | |
| 17 | Zulkiple Abd Ghani "Diffusion of Islamic Message through Television: The Experience of Television Malaysia" | 1998 | Buku | Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia | Sejarah/Umum | |

PERBINCANGAN

Bahagian ini memperincikan senarai literatur berhubung rancangan penyiaran televisyen berkonsepkan keagamaan mengikut analisis bibliometrik. Pengklasifikasian bahan kajian ini dilakukan berdasarkan jenis dan bentuk penyelidikan merangkumi tesis dan disertasi, latihan ilmiah, artikel jurnal, kertas prosiding, bab dalam buku dan buku.

i) Tesis dan disertasi

Penghasilan tesis dan disertasi di peringkat kedoktoran atau sarjana meruapakan suatu proses penyelidikan yang rapi dan teliti, serta memerlukan tempoh yang panjang. Melihat kepada topik perbincangan, terdapat 12 literatur yang telah dihasilkan di peringkat institut pengajian tinggi, dan kebanyakannya dihasilkan di universiti awam. Perinciannya dapat dilihat dalam senarai berikut:

1. Siti Rugayah Haji Tibek. (1999). *Peranan Drama dalam Dakwah: Kajian Drama Dakwah di TV1 dan TV3* [Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Dakwah)

2. Faridah Mat. (2006). *Unsur-unsur yang Bertentangan dengan Akidah dalam Filem Bollywood* [Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Akidah/Pemikiran)
3. Umami Hani binti Abu Hassan. (2011). *Drama Dakwah di Malaysia: Kajian Tentang Proses Penulisan Skrip* [Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Teknikal produksi)
4. Nabilah Mohd Razif. (2012). *Unsur-Unsur Islam Dalam Drama TV Bersiri: Kajian terhadap drama Nur Kasih*. [Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Dakwah)
5. Nursyazrin Binti Nazee Mudeen. (2012). *Mesej Dakwah dan Metode Al-Maw'izah dalam Filem My Name Is Khan dan Jodhaa Akbar*. [Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Dakwah)
6. Mohamad Shafiee Ayub. (2013). *Filem Ketika Cinta Bertasbih Mengikut Perspektif Hukum Islam* [Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Syariah)
7. Rosmawati binti Mohammad Rasit. (2013). *Hubungan penonton filem dakwah dengan pembentukan personaliti prososial remaja* [Tesis kedoktoran, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository (Kesan)
8. Wawarah Saidpudin. (2015). *Cinta Kun Fayakun, Warkah Cinta dan Cinta & Wahyu: Analisis Kepengarangan Mior Hashim Manap* [Disertasi Sarjana, Fakulti Sains Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia]. UKM Institutional Repository. (Analisis rancangan)
9. Norhizwani binti ahmad thohir. (2017). *Unsur dakwah dalam drama di TV Al hijrah* [Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Dakwah).
10. Abdul Azib bin Hussain. (2017). *Implimentasi Kepatuhan Fatwa di TV Al hijrah: Kajian Evaluatif terhadap Penapisan Kandungan* [Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Syariah)
11. Mohd Nazri bin Abdullah. (2017). *Filem sebagai Media Pendidikan islam: Analisis Filem Mihrab Cinta* [Disertasi sarjana. Akademi Pengajian Islam., Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Analisis rancangan)
12. Muhammad Afif bin Ab Arif. (2017). *Metodologi Keberkesanan Program Madrasah Al-Quran Siaran TV Alhijrah* [Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya]. University of Malaya Student Repository. (Analisis rancangan)

ii) Latihan ilmiah

Penyediaan latihan ilmiah di peringkat sarjana muda merupakan proses penilaian akhir seseorang pelajar sebelum diperakui pengajiannya di peringkat pengajian tinggi. Adapun perbincangan berkenaan topik kajian ini secara khusus yang melibatkan latihan ilmiah, terdapat 22 kajian yang telah dihasilkan seperti yang diperincikan di bawah:

1. Ham Sa'adah binti Ghazali. (1992). *Rancangan Agama di RTM: Kesannya kepada Masyarakat Desa dan Kota* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Sejarah/Umum)
2. Abdul Wahid bin Baharon. (1993). *Rancangan-rancangan Agama di RTM; Satu Kajian tentang Keberkesannya dalam Meningkatkan Kefahaman Islam: satu kajian khusus ke atas penduduk di Daerah Dungun, Terengganu* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. (Kesan)
3. Azhar Hamzah. (1996). *Filem Batu Belah Batu Bertangkup: Satu tinjauan khusus dari Perspektif Akidah* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Akidah/pemikiran)
4. Mohd. Zahir Abd Rahman. (1996). *Filem Isi Neraka; Aplikasinya terhadap Kepercayaan Masyarakat Orang Melayu* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Akidah/pemikiran)
5. Mohd. Ishaqruhy bin Ismail. (1999). *Analisis Kandungan dan Respons khalayak terhadap Rancangan Al-Kuliyah di TV3.* [Latihan ilmiah]. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. (Kesan)
6. Suraya Mat Nor. (2000). *Radio Televisyen Malaysia: Sejarah Penubuhan Dan Sumbangan Rancangan Penyiaran Agama Terhadap Masyarakat Masa Kini* [Latihan Ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Sejarah/Umum)
7. Khatijah Binte Mohamed Yatim. (2002). *Filem Dakwah Melayu: Analisis Retorik paling luas* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. (Dakwah)
8. Rina bakri. (2004). *Metodologi Dakwah dalam Filem Wali Songo lawan Seyikah Jenar.* [Latihan ilmiah] Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Dakwah)
9. Noorhidah Kifli. (2004). *Unsur-unsur Khurafat dalam Filem Sumpahan Orang Minyak; Satu Analisis* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Akidah/Pemikiran)
10. Bushra binti Mansor. (2005). *Filem Pontianak Harum Sundal Malam: Kajian dari Perspektif Islam* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Akidah/ Pemikiran)
11. Mohd Norazri bin Mohammad Zaini. (2010). *Filem Angels and Damons; Analisis menurut Perspektif Pemikiran Islam* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Akidah/ Pemikiran)
12. Ummi Kalthum binti Abdull Halim. (2010). *Propaganda Barat dalam Siri Rancangan Kartun Inggeris terbitan Disneyland di televisyen: Satu Analisis* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Akidah/ Pemikiran).
13. Amalina binti Musa. (2010). *Kajian Mengenai Unsur-unsur Mistik dalam Drama dan Filem Melayu (2004-2009) menurut Perspektif Islam* [Latihan ilmiah]. Fakulti Usuluddin. Universiti Malaya. (Akidah/pemikiran)
14. Noor Hafiul Azma binti Mat Jusoh. (2011). *Filem 2012: Analisis menurut Perspektif Islam* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Akidah/ Pemikiran)

15. Nabilah binti Zainal Abidin. (2012). *Uslub Dakwah terhadap Kanak-kanak dalam rancangan 'Adik-adikku' di RTM 1* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Dakwah)
16. Siti Zakiah binti Tahir. (2012). *Uslub Pengucapan Dakwah Don Daniyal bin Don Biyajid: Kajian terhadap Rancangan 30 Minit Don Daniyal* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Dakwah)
17. Nailatun Shakirah binti Ahmad. (2012). *Retorik Dakwah dalam Drama Qasidah Buat Laila di TV Oasis* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Dakwah)
18. Siti Aminah binti Ngadiman. (2013). *Pendekatan Ibrah dalam Drama Tanah Kubur di Astro Oasis* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Dakwah)
19. Fatin Hanisah binti kamarudin. (2015). *Pengaplikasian garis panduan patuh syariah oleh stesen TV: Satu Kajian terhadap TV Al hijrah* [Latihan ilmiah]. Fakulti filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi Mara. (Garis panduan)
20. Nor Syamimi binti Azman. (2016). *Dakwah melalui Program Realiti TV: Kajian terhadap Rancangan Pencetus Ummah* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. (Dakwah)
21. Nurul Musfirah binti Norazli. (2019). *Unsur-unsur Dakwah dalam Rancangan Animasi, Omar & Hana* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Dakwah)
22. Nurul Zafirah binti Zahid Maulana. (2019). *Dakwah dalam Rancangan Televisyen: kajian terhadap Konsert Gema Gegar Vaganza di Astro Oasis* [Latihan ilmiah]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Dakwah)

iii) Artikel jurnal

Selain daripada penghasilan penyelidikan melalui tesis, penyelidik juga turut menjadikan topik berkenaan rancangan televisyen berkonsepkan keagamaan sebagai fokus penyelidikan mereka melalui penerbitan artikel jurnal. Ini dapat dibuktikan melalui jumlah penghasilan artikel dalam lapangan ini antara yang terbanyak berbanding jenis kajian yang lain iaitu sebanyak 26 kajian. Senarai perinciannya dapat dilihat di bawah:

1. Abd Aziz Mohd Zin. (1996). Babak- Babak Dalam Drama Dakwah: Suatu Penjelasan Ke Arah Penentuan Hukum. *Jurnal Syariah* 4, 2, 262-269. (Syariah)
2. Rahimin Affandi Abd Rahim. (1999). Krisis remaja dan Media Massa di Malaysia: Suatu tinjauan dari Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 10, 125-134. (Kesan)
3. Abdullah Yusof. (2000). Industri hiburan dalam Islam: Satu analisis dari sudut Persejaraan Awal dan Penilaian Hukum. *Jurnal Syariah*, 8 (1), 23-42. (Sejarah/Umum)
4. Ab. Halim bin Tamuri & Zarin Ismail. (2004). Nilai Akhlak dan Pengaruh Media Massa di kalangan Remaja Islam Luar Bandar. *Jurnal Islamiyyah*, 27 (2), 1-9. (Kesan)
5. Zulkiple Abd Ghani. (2006). *Islamic Broadcasting: A Search for Islamic Identity. Hamdard Islamicus Journal*, 29 (2), 23-33. (Sejarah/Umum).
6. Juliana Abdul Wahab & Mahyuddin Ahmad. (2009). Filem Box Office dan Ideologi; Satu Kajian terhadap Filem-filem terpilih di Malaysia. *Jurnal Wacana Seni*, 8, 43-68. (Akidah/pemikiran).

7. Rosmawati Mohamad Rasit, Mohd Salleh Hassan, Mohd Nizam Osman & Muhammad Sham Shahkat Ali. (2011). *Film as a Medium of Communication for Da'wah: Analysis of Religious Element in selected Malay films*. *Jurnal Islamiyyat*, 33, 67-76. (Dakwah)
8. Wan Amizah, Faridah Ibrahim, Fuziah Kartini, Hassan Basri & Normah Mustaffa. 2011. Perkembangan Undang-undang Penapisan Filem di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 27 (1), 34-52. (Garis panduan)
9. Rosmawati Mohamad Rasit. (2012). *The Position of Religious Malays Films in Malaysia from the Perspective of Islamic Dakwah*. *Jurnal Alhikmah*, 4, 148-160. (Dakwah).
10. Siti Rugayah Tibek et. al. (2012). *The Islamic Value In Malaysian Television Drama On Channel 1*. *Advances in Natural and Applied Sciences Journal*, 6(4), 552-560. (Dakwah)
